## LATIHAN KATA ADJEKTIF

*1. Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.***

1. Ikan air tawar yang dibeli oleh ibu di pasar tani _____ baunya kerana tidak dibersigkan dengan betul.

A masam
B hamis
C hanyir
D hancing

2. Pisang abu yang sudah _____ itu sedap jika dibuat cekodok pisang dan dimakan panas-panas sambil menghirup kopi pada waktu petang.

A putik
B ranum
C mentah
D mengkal

3. Alia berasa _____ setelah mengetahui keputusan peperiksaan percubaan PT3nya sangat teruk meskipun di atelah berusaha bersungguh-sungguh.

A takut
B marah
C gelisah
D kecewa

4. Parang itu sangat _____ setelah diasah oleh ayah dengan menggunakan batu asah peninggalan datuk.

A kuat
B tajam
C licin
D runcing

5. Suara penyanyi itu begitu _____ bak buluh perindu ketika mendendangkan lagu tradisional.

A sengau
B merdu
C lantang
D nyaring

LIVEWORKSHEETS

*B. Ayat -ayat di bawah **mungkin betul** dan **mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B** atau **C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**. Pilih jawapan yang **paling sesuai**.*

6. Kemalangan maut (A) yang pernah berlaku di depan matanya membuatkan dia berasa gerun (B) untuk memandu, terutama jika hari hujan (C). Tiada kesalahan (D). ☐

7. Aiman berasa gayat (A) ketika berjalan di atas jambatan kaca tertinggi (B) dan terpanjang sekali (C) di dunia, iaitu The Zhangjiajie Gran Canyon Glass Bridge di China. Tiada kesalahan (D) ☐

*C. Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.*

*Contoh:*

Van yang dipandu oleh Pak Cik Boon meluncur deras menuju ke destinasi.
Laju

8. Kami menikmati panorama yang sungguh cantik di pantai itu sambil menghirup udara pagi yang indah.

_____

9. Ibu menyapu minyak angin pada perut adik selepas mandi untuk mengelakkan perutnya benjol.

_____

10. Penglihatan datuk semakin luntur kerana sudah berusia 90 tahun.

_____

LIVEWORKSHEETS